



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

**SYARAT-SYARAT LESEN LADANG TERNAKAN IKAN (DALAM KOLAM / TANGKI)
DI BAWAH PERATURAN 4 (3),
PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (LADANG TERNAKAN IKAN), 2002,
AKTA PERIKANAN (PENGAL 61)
CONDITIONS OF LICENCE FOR FISH CULTURE FARMS (PONDS / TANKS) UNDER REGULATION 4
FISHERIES (FISH CULTURE FARMS) REGULATIONS, 2002,
FISHERIES ACT (CHAPTER 61)**

Syarat-Syarat Utama
Main Conditions

1. Lesen Ladang Ternakan Ikan ini dengan bilangan lesen adalah milik(nama syarikat/perusahaan) dan khusus bagi aktiviti yang secara langsung berhubungkait dengan perusahaan ternakan ikan dalam kolam / tangki / ternakan secara bertingkat bagi aktiviti penetasan / semaian / ternakan (grow-out) [*sila tanda yang berkenaan] yang beralamat
This Fish Culture Farms licence with the licence number belongs to(name of company/business) and is specific for activities directly related to authorised fish culture farm business (ponds/ tanks/ vertical farming) activity for hatchery / nursery / grow-out activity [*please mark where applicable] whose address is at
2. Pemegang lesen hendaklah tidak menukar milik, menjual, menyewa atau memberikan manfaat lesen ini kepada orang lain.
The licensee shall not transfer, sell, rent or assign the benefit of this licence to any other party.
3. Pemegang lesen hendaklah menternak spesis ikan yang dibenarkan secara bertulis, oleh Jabatan Perikanan sahaja.
The licensee shall only culture fish species that have been approved by the Department of Fisheries in writing.
4. Pemegang lesen hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Pengarah Perikanan sebelum sebarang perubahan kepada pemilik berdaftar perniagaan atau pemegang saham syarikat (yang mana berkenaan), nama perniagaan atau syarikat atau kegiatan perniagaan atau syarikat.
The licensee shall inform the Director of Fisheries in writing prior to making any changes to the registered proprietor of the business, the shareholders of the company (as the case may be), the name of the business or company, or its activities.
5. Pemegang lesen hendaklah membenarkan Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan Yang Diberi Kuasa untuk memasuki dan membuat pemeriksaan ke atas tapak ladang



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

ternakan ikan dan sebarang bangunan yang dibina di atasnya atau untuk mengambil sampel bagi dianalisis atau sebarang maksud lain yang berkaitan untuk memastikan bahawa sebarang syarat lesen ini atau peruntukan-peruntukan undang-undang yang berkenaan telah dipatuhi atau bahawa ikan atau tapak adalah bebas dari sebarang penyakit berjangkit.

The licensee shall allow Authorized Fisheries Officers to enter and inspect the fish farm and any building on the site and to take samples of fish for analysis or any other relevant purpose to ensure any licence conditions or any applicable legal provisions have been complied with and that the fish or site is free of any infectious or contagious disease.

6. Pemegang lesen hendaklah memastikan ladang ternakan ikan sentiasa beroperasi dan tidak membiarkannya tidak beroperasi atau terbiar tanpa alasan yang munasabah secara bertulis yang boleh diterima oleh Pengarah Perikanan.

The licensee shall ensure that the fish culture farm remains operational and shall not leave it non-operational or abandoned without a valid written justification acceptable to the Director of Fisheries.

7. Pemegang lesen hendaklah tidak membawa atau membenarkan sebarang benda-benda yang merbahaya atau yang melanggar undang-undang masuk ke tapak ternakan tersebut.

The licensee shall not keep or permit to be kept any hazardous or illegal material into the fish farm site.

8. Pemegang lesen hendaklah tidak menggunakan atau mengizinkan tapak tersebut atau sebahagian daripadanya bagi sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau yang bertentangan dengan apa yang telah dibenarkan oleh Jabatan Perikanan.

The licensee shall not use or allow the site or any part thereof to be used for any unlawful purposes or contrary to what is permitted by the Department of Fisheries.

Syarat-Syarat Utama Biosekuriti

Main Biosecurity Conditions

9. Pemegang lesen hendaklah mematuhi dan melaksanakan *Manual of Brunei Darussalam on Good Aquaculture Practices (BGAqP)* dalam menjalankan operasi ladang ternakan ikan.

The licensee shall comply with the Good Aquaculture Practices for Fish Farming or the Manual of Brunei Darussalam on Good Aquaculture Practices For Shrimp Farms in carrying out the operation of the fish culture farm.

10. Pemegang lesen hendaklah menghadapkan pelan bagi langkah-langkah kawalan biosekuriti dan penyakit ke Jabatan Perikanan setiap tahun (sebelum tarikh lesen mansuh bagi yang akan membaharui lesen) bagi pengesahan.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

The licensee shall submit a biosecurity and disease management plan to the Department of Fisheries annually (before the licence expiry date for licence renewal) for verification.

11. Pemegang lesen hendaklah mendapatkan Sijil Kesihatan yang masih sah tempoh yang dikeluarkan oleh autoriti kompeten negara pengeksporth bagi ikan yang bersumber daripada ladang ternakan luar negara.

The licensee shall obtain a valid Health Certificate issued by the Competent Authority of the exporting country for fish sourced from oversea fish culture farms.

12. Pemegang lesen hendaklah mendapatkan sumber benih udang laut dari fasiliti penetasan yang diiktiraf oleh Jabatan Perikanan berdasarkan senarai terkini daripada Jabatan Perikanan.

The licensee shall only obtain marine shrimp fry from hatchery facilities certified by the Department of Fisheries, based on the updated list provided by the Department of Fisheries.

13. Binatang peliharaan tidak boleh dipelihara dan disimpan di dalam kawasan ternakan ikan.

Pets are not allowed to be kept or stored within the fish culture area.

14. Pemegang lesen hendaklah mengikuti program pemantauan kesihatan udang setiap bulan yang dilaksanakan oleh Pusat Perkhidmatan Makmal dan Kesihatan Haiwan Akuatik (AAHLSC) Jabatan Perikanan.

The licensee shall participate in the monthly shrimp health surveillance programme, which is carried out by the Aquatic Animal Health and Laboratory Services Centre (AAHLSC) of the Department of Fisheries.

15. Jika ikan ternakan telah disahkan berpenyakit oleh Pusat Perkhidmatan Makmal dan Kesihatan Haiwan Akuatik (AAHLSC) Jabatan Perikanan secara bertulis seperti penyakit ikan yang disenaraikan oleh World Organization for Animal Health (WOAH) di dalam laman sesawang www.woah.org, pemegang lesen hendaklah mengambil langkah-langkah kawalan biosekuriti dan penyakit mengikut pelan langkah-langkah kawalan biosekuriti dan penyakit dalam perenggan 10.

If the farmed fish are confirmed infected with disease by the Aquatic Animal Health and Laboratory Services Centre (AAHLSC) of the Department of Fisheries in writing, particularly fish diseases listed by the World Organization for Animal Health (WOAH) on its website www.woah.org; the licensee shall implement biosecurity and disease management plan in accordance with the biosecurity and disease management plan outlined in Paragraph 10.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

16. Jika berlaku kematian ikan, pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Perikanan dalam tempoh masa tidak melebihi 24 jam dari berlakunya kejadian tersebut.

In any occurrence of fish mortality, the licensee shall notify the Department of Fisheries within 24 hours of the incident.

17. Pemegang lesen hendaklah melaksanakan proses pelupusan ikan yang mati atau dijangkiti penyakit sebagaimana yang diarahkan oleh Pengarah Perikanan, dengan pengawasan Jabatan Perikanan, tanpa diberi sebarang ganti rugi atau pampasan oleh Kerajaan. Jika pemegang lesen diarahkan untuk melaksanakan pembasmian kuman kolam/tangki/peralatan serta mengosongkan kolam/tangki berkenaan, pemegang lesen hendaklah memastikan tiada aktiviti ternakan dilaksanakan di dalam kolam / tangki tersebut bagi suatu tempoh yang ditetapkan oleh Pengarah Perikanan secara bertulis.

The licensee shall carry out the disposal of dead or disease-infected fish as may be directed by the Director of Fisheries, under the supervision of the Department of Fisheries, without any compensation or reimbursement from the Government. If the licensee is instructed to disinfect the ponds/tanks/equipment and to empty the affected ponds/tanks, the licensee shall ensure that no farming activities are conducted in the said ponds/tanks for a duration specified in writing by the Director of Fisheries.

18. Pemegang lesen hendaklah melaksanakan pembasmian kolam/tangki/peralatan serta mengosongkan dan mengeringkan kolam/tangki setiap kali tuaian yang dilaksanakan.

The licensee shall disinfect the ponds/tanks/equipment, as well as vacate and dry the ponds/tanks, after each harvest.

19. Pemegang lesen hendaklah menggunakan makanan ikan dari jenis atau dari pembekal yang dibenarkan oleh Jabatan Perikanan secara bertulis berdasarkan senarai yang terkini daripada Jabatan Perikanan. Makanan ikan hendaklah bukan dari sumber khinzir serta bebas daripada antibiotik dan tidak melebihi had yang dibenarkan bagi logam berat.

The licensee shall use fish feed of the type or from suppliers authorised by the Department of Fisheries in writing in accordance with the up-to-date list provided by the Department of Fisheries. The fish feed shall not be sourced from swine and shall be free from antibiotics and not exceeding the permitted limits for heavy metals.

20. Pemegang lesen hendaklah menggunakan bahan-bahan kimia dan ubat-ubatan haiwan yang dibenarkan oleh Jabatan Perikanan secara bertulis berdasarkan senarai yang terkini daripada Jabatan Perikanan.

The licensee shall only use chemical products and veterinary drugs that are permitted by the Department of Fisheries in writing in accordance with the up-to-date list provided by the Department of Fisheries.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

21. Bagi ladang ternakan ikan yang mempunyai kemudahan kuarantin, langkah-langkah yang bersesuaian hendaklah diambil untuk mencegah pencemaran silang di antara tempat kuarantin dan ladang ternakan seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan secara bertulis.

For fish culture farms with quarantine facilities, appropriate steps shall be taken to prevent cross-contamination between the quarantine facility and the fish farm area as determined in writing by the Department of Fisheries.

22. Pemegang lesen hendaklah menjaga kebersihan tapak ladang ternakan ikan dan kawasan yang berhampiran dengannya.

The licensee shall maintain the cleanliness of the fish culture farm site and its surrounding area.

23. Pemegang lesen hendaklah menyediakan ruang penyimpanan sampah di dalam kawasan tapak yang dibenarkan sahaja dan membawa sampah-sampah yang dikumpulkan ke tempat pembuangan sampah yang dikhaskan oleh Kerajaan.

The licensee shall designate a waste storage area within the fish farm site only and dispose of the waste at the waste disposal site designated by the Government.

Syarat-Syarat Am

General Conditions

24. Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan menghantar dalam tempoh yang ditetapkan kepada Jabatan Perikanan laporan-laporan berikut :-

The licensee shall prepare and submit within the period stipulated by the Department of Fisheries the following reports:

- a. data pengeluaran bulanan ladang ternakan ikan pada setiap minggu pertama bulan berikutnya; dan

a monthly production data of fish culture farm within the first week of the following month; and

- b. laporan atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Jabatan Perikanan.

any report or other information required by the Department of Fisheries.

25. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen ini di suatu tempat yang mudah dilihat di ladang ternakan ikan.

The licensee shall display the licence in a visible location at the fish culture farm.

26. Hanya pemegang lesen, pekerja syarikat dan orang-orang yang mempunyai kaitan dengan operasi ladang sahaja dibenarkan untuk berada di ladang ternakan ikan.

Only the licensee, its employees and persons directly involved in the operation of the fish culture farm are allowed to be present at the fish farm.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

27. Pemegang lesen hendaklah menghadapkan senarai pekerja-pekerja samaada pekerja tempatan atau asing dan sebarang perubahan kepada senarai tersebut hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Perikanan.

The licensee shall submit a list of local or foreign employees or workers and any changes to the list shall be notified in writing to the Department of Fisheries.

28. Pemegang lesen hendaklah tidak mendirikan, memaparkan, atau mempamerkan sebarang poster, papan tanda, sepanduk iklan, nama atau notis dalam apa jua bentuk ke atas mana-mana bahagian dalam atau luar tapak tersebut kecuali mendapat kebenaran bertulis dari Jabatan Perikanan.

The licensee shall not, without the prior written approval of the Department of Fisheries, erect, display, or exhibit any poster, sign, advertisement, name, or notice of any kind on any part of the fish farm site including the exterior.

29. Pemegang lesen hendaklah menyediakan peralatan perubatan pertolongan cemas dan sekurang-kurangnya 2 unit alat pemadam api yang dalam keadaan baik dan diletakkan di tempat yang mudah diakses di ladang ternakan ikan.

The licensee shall provide a first aid kit and a minimum of two (2) fire extinguishers, all of which must be maintained in good working conditions, and placed in prominent and easily accessible locations within the fish culture farm at all times.

30. Pemegang lesen hendaklah tidak membuat atau membenarkan perkara-perkara yang menyebabkan kekacauan, gangguan, kerosakan atau huru-hara di dalam tapak tersebut pada bila-bila masa kepada penternak-penternak lain atau penghuni-penghuni yang berdekatan.

The licensee shall not do or permit to be done any act that tends to cause nuisance, inconvenience, damage and disturbance at any time to the other fish farm operators or nearby occupants.

Nota :-

Note:-

- Definisi 'ikan' sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Perikanan (Penggag 61) adalah termasuk apa-apa hidupan haiwan atau tumbuhan akuatik, sama ada sedentari atau tidak, dan termasuk semua spesies ikan bersirip, krustasia, moluska, mamalia akuatik atau telur atau benihnya, anak ikan, fingerling, lokan atau benih moluska, tetapi tidak termasuk mana-mana spesies memerang, penyu atau telurnya.
The definition of 'fish' as provided under the Fisheries Act (Chapter 61) includes any aquatic animal or plant life, whether sedentary or not, and encompasses all species of finfish, crustaceans, mollusks, aquatic mammals, or their eggs or spawn, fry, fingerlings, shellfish, or mollusk spawn, but does not include any species of otters, turtles, or their eggs.
- Pengarah Perikanan berhak untuk menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

The Director of Fisheries shall have the right to add or vary the conditions of the licence as and when required.

- Sebarang perubahan kepada syarat-syarat ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

Any changes to these conditions shall be notified from time to time.

- Pemilik Syarikat adalah dikehendaki untuk merujuk *Pollution Control Guidelines for Industrial Development* seperti yang diperlukan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam menjalankan operasi ladang ternakan ikan.

The company is required to refer with the Pollution Control Guidelines for Industrial Development adopted by the Department of Environment, Parks and Recreation in carrying out the operations of fish culture farms.

- Pemilik Syarikat hendaklah mematuhi dan melaksanakan perundangan dan peraturan-peraturan agensi-agensi Kerajaan lain yang berkaitan dan sebarang undang-undang bertulis lain yang berkenaan.

The company must comply with and implement the laws and regulations of other relevant Government agencies, as well as any other applicable written laws.

- Lesen boleh dibatalkan atau digantung pada bila-bila masa jika didapati mana-mana syarat lesen atau undang-undang yang dikuatkuasakan tidak dipatuhi.

The licence may be revoked or suspended at any time if there has been a breach of the conditions of the licence or any law or regulation.

- Lesen boleh dibatalkan pada bila-bila masa tanpa pampasan atau penggantian dengan tapak lain sekiranya ladang ternakan ikan didapati tidak wujud atau tidak beroperasi bagi tempoh yang berterusan selama tiga (3) bulan tanpa alasan yang munasabah yang boleh diterima oleh Pengarah Perikanan.

The fish culture farm licence may be revoked at any time without compensation or replacement with another site if the fish culture farm is found to be no longer in existence or not in operation or abandoned for a continuous period of three (3) months without a reasonable explanation acceptable to the Director of Fisheries.

- Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa setiap pekerja asing mestilah mendapat kebenaran dari pihak-pihak yang berkuasa dan mempunyai dokumen-dokumen yang sah.

The licensee shall ensure that every foreign employee or worker must obtain the necessary permit or approval from the relevant authorities and possess valid documentation.

- Jabatan Perikanan tidak bertanggungjawab :

The Department of Fisheries shall not be held liable:

- ke atas sebarang kemalangan, kecederaan atau kematian yang berlaku di tapak ladang ternakan ikan itu ke atas pemegang lesen, pekerja-pekerjanya atau orang lain;



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

for any accident, injury or death of the licensee, his employees or other persons at the fish culture farm;

- ke atas sebarang kerosakan atau kecurian yang berlaku di tapak ladang ternakan ikan itu bagi barang atau harta pemegang lesen, pekerja-pekerjanya atau orang lain.

for any damage or theft that occurs at the fish culture farm to the property or possession of the licensee, its employees or other persons;

- untuk memberi sebarang ganti rugi atau pampasan bagi kematian ikan atau jangkitan penyakit atau kehilangan ikan kerana bencana alam atau pencemaran air atau sebab-sebab lain.

to indemnify or provide compensation for the death or loss of fish, due to diseases, natural disasters or water pollution or other causes.

- Tindakan penguatkuasaan undang-undang ke atas kes-kes kesalahan melanggar syarat-syarat lesen ladang ternakan ikan dalam kolam/tangki:

Legal enforcement actions for contravention of fish farm license conditions in ponds/tanks:

1. Jika pemegang lesen didapati menyalahi/melanggar sebarang **Syarat-Syarat Utama** yang telah ditentukan oleh Jabatan Perikanan, tindakan-tindakan penguatkuasaan undang-undang akan dilaksanakan seperti berikut:

If the licensee is found to have contravened any of the main conditions set by the Department of Fisheries, the following legal enforcement actions will be taken:

- a. Bagi **kesalahan kali pertama**, pemegang lesen akan diberikan **surat amaran** dengan diarahkan untuk melaksanakan tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat ditandatangani;

For the first offence, the licensee shall receive a warning letter and be instructed to implement corrective actions within two (2) weeks from the date of the letter;

- b. Jika tidak ada tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu yang telah ditetapkan, akan dikira sebagai **kesalahan kali kedua** dan pemegang lesen akan dikenakan denda kompaun sejumlah **\$500** dengan diarahkan untuk melaksanakan tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat ditandatangani;

If no corrective action is taken, it will be considered a second offence, and the licensee will be fined a compound of \$500 and instructed to implement corrective actions within two (2) weeks from the date of the letter;

- c. Jika tidak ada tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu yang telah ditetapkan, akan dikira sebagai **kesalahan kali ketiga** dan pemegang lesen akan dikenakan denda kompaun sejumlah **\$1,000** dengan diarahkan untuk melaksanakan tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat ditandatangani; dan

If no corrective action is taken, it will be considered a third offence, and the licensee will be fined a compound of \$1,000 and instructed to implement corrective actions within two (2) weeks from the date of the letter; and



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

- d. Jika masih tidak ada tindakan pembetulan, lesen ladang ternakan ikan akan dibatalkan dengan serta merta dan proses penamatan perjanjian penyewaan tapak akan dilaksanakan.

If corrective action is still not taken, the licence will be revoked immediately and the Department will initiate the process of terminating the lease agreement.

2. Jika pemegang lesen didapati menyalahi/melanggar sebarang **Syarat-Syarat Utama Biosekuriti** yang telah ditentukan oleh Jabatan Perikanan tindakan-tindakan penguatkuasaan undang-undang akan dilaksanakan seperti berikut:

If the licensee is found to have contravened any of the Main Biosecurity Conditions set by the Department of Fisheries, the following legal enforcement actions will be taken:

- a. Bagi **kesalahan kali pertama**, pemegang lesen akan diberikan **surat amaran** dengan diarahkan untuk melaksanakan tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat ditandatangani;

For the first offence, the licensee shall receive a warning letter and be instructed to implement corrective actions within two (2) weeks from the date of the letter;

- b. Jika tidak ada tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu yang telah ditetapkan, akan dikira sebagai **kesalahan kali kedua** dan pemegang lesen akan dikenakan denda kompaun sejumlah **\$500** dengan diarahkan untuk melaksanakan tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat ditandatangani, dan **aktiviti pengimportan benih dan induk ikan termasuk udang digantung selama satu (1) bulan**;

If no corrective action is taken within the specified two (2) weeks, it will be considered a second offence, and the licensee will be fined a compound of \$500 and instructed to implement corrective actions within two (2) weeks from the date of the letter. Additionally, the importation of fish fry and broodstock, including shrimp, will be suspended for one (1) month;

- c. Jika tidak ada tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu yang telah ditetapkan, akan dikira sebagai **kesalahan kali ketiga** dan pemegang lesen akan dikenakan denda kompaun sejumlah **\$1,000** dengan diarahkan untuk melaksanakan tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu, dan **aktiviti pengimportan benih dan induk ikan termasuk udang digantung selama (3) bulan**; dan

If no corrective action is taken within the specified two (2) weeks, it will be considered a third offence, and the licensee will be fined a compound amount of \$1,000 and instructed to implement corrective actions within two (2) weeks from the date of the letter. Additionally, the importation of fish fry and broodstock, including shrimp, will be suspended for three (3) months.

- d. Jika masih tidak ada tindakan pembetulan, lesen ladang ternakan ikan akan dibatalkan dengan serta merta dan proses penamatan perjanjian penyewaan tapak akan dilaksanakan.

If corrective action is still not taken, the licence will be revoked immediately and the Department will initiate the process of terminating the lease agreement.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

3. Jika pemegang lesen didapati menyalahi sebarang **Syarat-Syarat Am** yang telah ditentukan oleh pihak Jabatan Perikanan di atas, tindakan-tindakan penguatkuasaan undang-undang akan dilaksanakan seperti berikut:

If the licensee is found to have contravened any of the General Conditions set by the Department of Fisheries, the following legal enforcement actions will be taken:

- a. Bagi **kesalahan kali pertama**, pemegang lesen akan diberikan **surat amaran** dengan diarahkan untuk melaksanakan tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat ditandatangani;
For the first offence, the licensee shall receive a warning letter and be instructed to implement corrective actions within two (2) weeks from the date of the letter;
 - b. Jika tidak ada tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu yang telah ditetapkan, akan dikira sebagai **kesalahan kali kedua** dan pemegang lesen akan dikenakan denda kompaun sejumlah **\$100** dengan diarahkan untuk melaksanakan tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat ditandatangani;
If no corrective action is taken within the specified two (2) weeks, it will be considered a second offence, and the licensee will be fined a compound of \$100 and instructed to implement corrective actions within two (2) weeks from the date of the letter;
 - c. Bagi **kesalahan kali ketiga dan seterusnya**, pemegang lesen akan dikenakan denda kompaun sejumlah **\$200** dengan diarahkan untuk melaksanakan tindakan pembetulan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat ditandatangani; dan
For third offence and subsequent offences, the licensee will be fined a compound of \$200 and instructed to implement corrective actions within two (2) weeks from the date of the letter; and
 - d. Jika masih tidak ada tindakan pembetulan, lesen ladang ternakan ikan akan dibatalkan dengan serta merta dan proses penamatan perjanjian penyewaan tapak akan dilaksanakan.
If corrective action is still not taken, the licence will be revoked immediately and the Department will initiate the process of terminating the lease agreement.
- Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen adalah merupakan satu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Perikanan (Penggagal 61) serta pindaan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga **\$10,000** atau **penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali**.
Failure to comply with the conditions of the licence is an offence and action may be taken in accordance with the Fisheries Act (Chapter 61) and upon conviction is liable to a fine not exceeding B\$10,000 or imprisonment of one (1) year or to both.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.

I hereby agree with the terms and conditions as stated above.

Nama : _____
Name

Jawatan : _____
Designation

Syarikat dan Alamat : _____
Company and Address

No. Kad Pengenalan : _____
Identity card No.

No. Telefon : _____ (pejabat) _____ (hp) _____ (faks)
Telephone No. **(office)** **(mobile phone)** **(fax)**

Emel : _____
Email

Tandatangan : _____
Signature

Tarikh : _____
Date

=====

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
FOR ADMINISTRATIVE USE

Pegawai Yang Diberikuasa :
Authorised Officer

Nama : _____
Name

Jawatan : _____
Designation

Tandatangan : _____
Signature

Tarikh : _____
Date